

# Fiesta Taekwondo Antarabangsa di UMS

Berlangsung dari 29 Jun hingga 3 Julai

UB 28/6/2011 AIS

Oleh **VITALIS G BINGKASAN**  
utusanborneokk@yahoo.com.my

**KOTA KINABALU:** Lebih 131 atlet dan pegawai termasuk lebih 80 dari luar negara akan menyertai Fiesta Taekwondo Antarabangsa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)-Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2011 di UMS pada 29 Jun hingga 3 Julai.

Universiti luar negara yang mengambil bahagian terdiri dari Vietnam yang akan diwakili 20 atlet dan pegawai, Thailand (19), Filipina (enam), Indonesia (33), Brunei (lapan) dan Kazakhstan (tiga).

Turut mengambil bahagian adalah institut-institut pengajian tinggi negara ini termasuk UMS yang akan diwakili 14 atlet iaitu tujuh lelaki dan tujuh wanita.

"Ini adalah kali pertama kejohanan ini dianjurkan di Malaysia dan kita amat bangga kerana UMS telah diberi kepercayaan oleh KPT untuk menjadi tuan rumah. Kebetulan UMS juga merupakan Pusat Kecemerlangan bagi sukan taekwondo negara.

"Ini menunjukkan bahawa UMS ada kemampuan dan kebolehan untuk menganjurkan pertandingan peringkat antarabangsa," kata Pengerusi Penganjur, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hj Kassim Hj Md Mansur dalam satu sidang media di UMS kelmarin.

Menurutnya, kejohanan itu mempertandingan dua kategori iaitu Terbuka IPT



**ALBUM ... Prof. Madya Dr. Hj Kassim (dua dari kanan) bersama Asyraf (dua dari kiri), Ahmadi (kanan) dan pegawai urusetia Charles Thomas (kiri) di UMS kelmarin.**

dan kategori 14-17 tahun.

Kategori 14-17 tahun terbuka untuk kelab-kelab.

Kedua-dua kategori itu mempertandingkan acara kyorugi (sparing) melibatkan kategori fin weight, fly weight, bantam weight, feather weight, light weight, welter weight, middle weight, light heavy weight dan heavy weight dan acara pomsea (pattern) melibatkan acara individu, berpasukan dan campuran.

Kejohanan itu menawarkan hadiah wang tunai USD100 untuk

johan setiap acara kategori Terbuka IPT dan USD50 untuk johan kategori 14-17 tahun di samping medal, cenderamata dan sijil.

Pemenang tempat kedua dan ketiga pula menerima medal, cenderamata dan sijil.

"Kehadiran peserta-peserta luar tentunya menjadikan kejohanan ini berprestij. Sehubungan dengan itu kami mengalu-alukan kehadiran orang ramai menyaksikan kejohanan ini yang akan berlangsung di Dewan Canselor.

"Perasmian dan pertandingan akan bermula jam 8.00 pagi pada 1 Julai," kata Dr. Kassim sambil memberitahu bahawa majlis perasmian akan disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Hou Kok Chung.

Turut besama pada sidang media tersebut adalah Pengarah Pusat Sukan UMS yang juga timbalan pengerusi penganjur, Mohd Asyraf Fong Abdullah dan setiausaha jawatankuasa pelaksana Ahmadi Nuridin.